

Malaysia Di Landasan Betul Dalam Tadbir Urus Ekonomi, Kewangan - Shafie Bernama
20 Februari , 2012

SEMPORNA, 20 Feb (Bernama) -- Kemampuan Malaysia mencapai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 5.2 peratus pada tahun lalu merupakan petunjuk kepimpinan negara ini berada di landasan betul dalam mengurus tadbir ekonomi dan kewangan negara, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

"Dalam keadaan ekonomi dunia yang amat mencabar dan kita tahu di Eropah, mereka masih bergelut untuk mengatasi krisis dan Amerika Syarikat masih berhadapan masalah ekonomi, kita masih boleh mencapai pertumbuhan 5.2 peratus.

"Ini satu pencapaian yang amat membanggakan. Di samping itu, dahulu (2010), kita anggarkan defisit (pada 2011) ialah 5.6 peratus tetapi kita mencapai 5 peratus. Ini satu petanda bahawa kita di landasan betul dalam mengurus tadbir kewangan dan ekonomi negara Malaysia," katanya.

Mohd Shafie berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program sambutan Maulidul Rasul peringkat daerah Semporna di sini pada Isnin.

Mohd Shafie berkata petunjuk lain yang menyokong fakta bahawa usaha kerajaan memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk memacu ekonomi demi kesejahteraan rakyat ialah kemampuan negara menyediakan lebih 100,000 peluang pekerjaan tahun lalu.

Bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi negara sekarang terus berkembang seperti yang dirancang, beliau berkata ia memerlukan input dan sokongan semua pihak termasuk sektor awam dan swasta.

Katanya pertumbuhan ekonomi berterusan amat penting kepada Malaysia bagi memastikan negara ini terus berupaya memberi keselesaan kepada rakyat untuk menikmati harga barangan dan perkhidmatan lebih rendah melalui pelbagai subsidi bernilai lebih RM22 bilion setahun yang ditanggung kerajaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646742>